

Mahkamah turut jatuhkan denda RM5,000 selepas semua pendaki mengaku salah berbogel

# 4 pendaki bogel dijel tiga hari

Kosmo  
13/6/2015  
mls 3

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

**KOTA KINABALU** - Empat pelancong Barat termasuk dua adik-beradik dijatuhi hukuman penjara tiga hari dan denda RM5,000 di Mahkamah Sesyen di sini semalam selepas mengaku bersalah berbogel di kawasan puncak Gunung Kinabalu pada 30 Mei lalu.

Hakim Dean Wayne Daly menjatuhkan hukuman penjara itu ke atas dua rakyat Kanada, Lindsey Petersen, 23, dan Danielle Anne Louise Petersen, 22, serta seorang rakyat Belanda, Dylan Thomas Snel, 23, dan seorang pelancong Britain, Eleanor Grace Hawkins, 22.


Bagaimanapun, kesemua tertuduh dibebaskan petang semalam, selepas perintah hukuman penjara itu diputuskan bermula dari tarikh mereka ditangkap pada 9 Jun lalu.

Hakim turut memerintahkan keempat-empat tertuduh dikenakan penjara tiga bulan sekiranya gagal membayar denda tersebut.

Bagaimanapun, kesemua tertuduh membayar denda tersebut.

Mengikut kertas pertuduhan, Lindsey dan Dylan didakwa melakukan kesalahan berbogel secara keseluruhan di kilometer lapan kawasan puncak Gunung Kinabalu dalam kawasan daerah Ranau kira-kira pukul 6.45 pagi pada 30 Mei.

Sementara Danielle dan Eleanor



EMPAT pendaki Barat mengaku bersalah berbogel di Mahkamah Sesyen, Kota Kinabalu semalam.



DANIELLE (kiri) dan Dylan yang tiba di Mahkamah Sesyen, Kota Kinabalu semalam dikerumuni jurugambar tempatan serta asing.



DANIELLE DYLAN



LINDSEY ELEANOR

didakwa separuh berbogel dari bahagian pinggang ke atas di kawasan, masa dan tarikh yang sama.

Mereka didakwa secara berasingan di bawah Seksyen 294(a) Kanun Keseksaan yang memperuntukkan maksimum penjara tiga bulan dan denda atau keduanya sekali.

Kesemua tertuduh diwakili oleh peguam Ronny Cham manakala pendakwa diketuai oleh Timbalan Pendakwa Raya, Jamil Aripin.

Dalam prosiding yang berlang-

sung selama tiga jam setengah bermula pukul 3 petang itu, Ronny Cham dalam hujahnya memberitahu bahawa kesemua anak guanya merupakan golongan muda yang cuba mengekspresikan diri mereka berdasarkan dari tempat dan yang diajar di negara mereka.

Selain itu, mereka juga telah menyesal akan tindakan tersebut dan bersedia membuat permohonan maaf secara terbuka kepada rakyat Malaysia terutama masyarakat di Sabah.

Bagaimanapun, Jamil menegaskan bahawa semua pelancong yang mengunjungi negara ini harus menghormati tatasusila, adat resam dan kebudayaan masyarakat setempat.

Hakim Dean Wayne dalam hujah kehakimannya menyatakan bahawa kes tersebut merupakan kepentingan umum dan merupakan pengajaran kepada pelancong agar menghormati sosiobudaya masyarakat di sesebuah negara.

"Penduduk tempatan terutama di Ranau merasa jengkel dengan perbuatan keempat-empat tertuduh memandangkan Gunung Kinabalu ialah tempat suci," katanya.

Sepanjang prosiding terbabit, kesemua tertuduh kelihatan tenang dalam menghadapi pertuduhan yang dibacakan oleh ju-



KERATAN Kosmo! 3 Jun 2015.



KERATAN Kosmo! 11 Jun 2015.

rubahasa mahkamah. Keempat-empat tertuduh tiba di pekarangan bangunan mahkamah tepat pukul 2.44 petang dengan menaiki dua kenderaan dengan dikawal rapi oleh anggota polis.

Akhbar Kosmo! sebelum ini melaporkan tindakan 10 pendaki warga asing yang beraksi tidak senonoh dengan berbogel di kawasan South Peak, Gunung Kinabalu pada 30 Mei lalu.